

12 MAY 2000

Umno-Bahas (Wanita)

MASTIKA BIDAS PERWAKILAN LELAKI TAK SOKONG WANITA

KUALA LUMPUR, 12 Mei (Bernama) -- Wakil pergerakan Wanita ke Perhimpunan Agung Umno ke-54, Mastika Junaidah Husin, membidas anggota perwakilan lelaki kerana tidak memilih seorangpun calon wanita menganggotai Majlis Tertinggi semasa pemilihan semalam sedangkan sumbangan wanita kepada parti amat besar.

Beliau juga menegur tindakan anggota perwakilan lelaki kerana mengejek-ejek Ketua Wanita Umno Datuk Seri Rafidah Aziz setiap kali namanya disebut.

Katanya, beliau tidak faham mengapa sumbangan kaum wanita yang tetap setia dan berkhidmat untuk parti tidak dihargai.

"Saya minta perwakilan (lelaki) cuba renung ketua-ketua wanita yang duduk sebaris dan tanya banyak mana anda menagih pengorbanan mereka.

"Kemenangan ahli-ahli perwakilan adalah kerana sumbangan wanita. Semasa berkempen, anggota pergerakan itu menaiki kereta Kancil sedangkan calon dengan kereta Mercedes. Itulah pengorbanan wanita," katanya dengan suara tinggi sambil disambut sorak perwakilan.

Pengerusi Tetap Tan Sri Sulaiman Ninam Shah yang mempengerusikan persidangan perhimpunan agung itu mencelah sambil berkata "sabar sikit".

Bagaimanapun Mastika Junaidah meneruskan ucapannya dengan melahirkan rasa kecewa dan mempersoalkan kenapa tidak seorangpun daripada lima calon wanita yang menawarkan diri bagi kerusi MT, terpilih.

"Tolonglah sikit. Adakah tidak layak Wanita duduk di kerusi MT," katanya sambil meminta Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selaku presiden parti melantik wanita menduduki kerusi MT.

Mengenai Rafidah yang diejek, Mastika Junaidah ingin tahu apakah dosanya sehingga segelintir perwakilan bertindak mengejeknya seolah-olah tidak menghormati keputusan pergerakan itu yang memilih Rafidah sebagai ketua yang baru.

Pertandingan jawatan ketua wanita Rabu lepas menyaksikan Rafidah menang tipis dengan majoriti 12 undi mengalahkan penyandang Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman.

"Apakah dosa wanita ini. Tidakkah ini ibu kita yang banyak berkorban untuk pembangunan negara. Tidakkah ini ibu kita yang berani pertahankan maruah negara daripada dicemar oleh (Setiausaha Negara Amerika Syarikat) Madeleine Albright. Tidakkah ini ibu kita yang telah sama-sama memperjuangkan kebahagiaan kita hari ini?" katanya.

Wakil Wanita Umno Zaleha Husin turut menegur tindakan sesetengah perwakilan yang mengejek wakil-wakil, dengan mengingatkan mereka tentang tatasusila dan imej umat Islam yang mementingkan akhlak mulia.

Katanya, sebagai satu perhimpunan yang berbincang perkara yang serius, perwakilan tidak sepatutnya bersorak dan boo siapa yang bercakap demi kepentingan parti terutama kepada pergerakan Wanita.

"Sebagai umat Islam yang berimej Islam dan bertatasusila Islam dan berakhlak mulia, kita orang Umno perlu mempunyai akhlak dan landasan adab tertib yang baik mengikut lunas Islam," katanya.

Zaleha berkata perwakilan perlu menghormati wanita dan mencontohi Rasullullah yang meletakkan kedudukan wanita begitu tinggi dengan mengatakan 'syurga terletak di bawah tapak kaki ibu'.

"Tanpa wanita saudara-saudara tidak lahir ke dunia ini dan hormatilah wanita apabila mereka berucap," katanya.

-- BERNAMA

HK MAI